

06 SEP 1999

Mahathir-PAS

ULAMA BERBOHONG DI MIMBAR MASJID UNTUK TANAM KEBENCIAN, KATA MAHATHIR

KUANTAN, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penggunaan mimbar masjid untuk menyebarkan pembongkaran kepada umat Islam bertujuan menanamkan rasa kebencian orang ramai terhadap kerajaan dan Umno.

Beliau berkata pembongkaran oleh orang yang mengaku diri sebagai ulama kononnya ada lebih banyak gereja daripada masjid di Melaka adalah berbahaya kerana ia boleh menyebabkan orang bukan Islam merasa diri mereka terancam dan boleh mencetuskan rusuhan.

"Kalaulah perkara ini dihebah dan dibesar-besarkan sudah tentu akan ada rusuhan di antara orang Islam dan Kristian yang tidak berapa kerat di negara kita," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) Pahang di Dewan Konvensyen di sini hari ini.

Tanpa merujuk secara terus kepada PAS dengan penggunaan mimbar itu, Dr Mahathir berkata, para penyokong parti itu cuba menimbulkan rasa kebencian terhadap kerajaan BN untuk mencari sokongan kepada parti itu.

Dr Mahathir berkata, Umno tidak pernah menggunakan kebencian kepada PAS untuk mendapat sokongan sebaliknya mahu melihat semua orang Islam bersaudara dan menjalin hubungan baik sesama sendiri dan sesama bukan Islam.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi BN Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba.

"Kita (Umno) suka kepada keamanan dan ketenteraman dalam negara tapi PAS lain sekali, mereka lebih suka permusuhan antara orang Islam sesama orang Islam dan orang Islam dan bukan Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, orang yang sanggup bercakap bohong di atas mimbar masjid tidak layak dipanggil ulama kerana tidak menghormati masjid dan jemaah masjid.

"Orang ini mendakwa dirinya sebagai ulama, kalau macam inilah ulama yang kita ada, percayalah akan rosak agama kita dan akan berlaku rusuhan dalam negara kita dan orang ini tidak akan bertanggungjawab jika rusuhan berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menghormati ulama tetapi bukan semua yang mendakwa diri sebagai ulama adalah ulama kerana ada juga penipu yang mengaku sebagai ulama.

Beliau kemudian menceritakan sebuah kisah yang pernah disampaikan oleh seorang anggota Umno Allahyarham Sulaiman Palestin tentang seorang penipu yang akhirnya mengaku diri ulama dan menggunakan dalih untuk menghalalkan sesuatu yang haram.

Beliau mengaitkan cerita itu dengan tafsiran salah yang dibuat oleh ulama PAS sekarang terhadap ajaran Islam sehingga sanggup mendakwa bahawa Tuhan mencarut.

"Kerana nak pancing undi dia sanggup buat tafsiran apa sahaja," katanya.

Rakyat, katanya, harus menyedari tentang taktik PAS itu dan menolak mereka semasa pilihan raya nanti.

Dr Mahathir juga percaya rakyat akan menolak pakatan pembangkang yang cuba membentuk barisan tiruan seperti BN untuk mendapat sokongan dalam pilihan raya nanti.

Keempat-empat parti yang tidak sehaluan itu tidak mungkin dapat membentuk kerjasama kerana asas perjuangan mereka adalah berbeza sama sekali bahkan ada yang bertentangan di antara satu sama lain, katanya.

Parti-parti pembangkang itu, PAS, DAP, Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia, ingin bergabung untuk menentang BN kerana mendapati formula BN adalah mustajab.

"Barang tiruan tiada kualiti, pilihlah yang tulen iaitu Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA
AFY ROS AKD